

GIRI TURAPU DAN ANAK SERTA HUBUNGANNYA KE ATAS GAYA KEIBUPAPAAN DAN POLA KOMUNIKASI KELUARGA

CHE HASNIZA CHE IRON

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

thesis
GT 2420 .C4 2008



1100072320

Ciri ibubapa dan anak serta hubungannya keatas gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga / Che Hasniza Che Noh.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100072320

7/6/2010

Unstoppable

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

**CIRI IBUBAPA DAN ANAK SERTA HUBUNGANNYA KE ATAS GAYA
KEIBUBAPAAN DAN POLA KOMUNIKASI KELUARGA**

CHE HASNIZA CHE NOH

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

2008

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

29 April 2008

CHE HASNIZA CHE NOH
P27935

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah s.w.t yang maha pengasih lagi maha penyayang.

Segala puji hanyalah untuk Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dialah tempat untuk kita meminta pertolongan dan ampunan, kita berlindung kepada Allah s.w.t dari segala kejahanatan diri kita dan keburukan perbuatan kita. Selawat dan salam kepada junjungan besar baginda Rasulullah s.a.w dan seluruh ahli keluarga baginda. Salam kesejahteraan juga kepada orang terdahulu yang telah mengorbankan diri, masa dan harta dalam menegakkan dan menyampaikan kalimah yang hak. Seluruh pujian dan kesyukuran hanya sanya diajukan kepada Allah s.w.t. yang memberi taufik untuk menghasilkan tesis ini. Sesungguhnya tidak berlaku walaupun sekecil perkara tanpa izinNya.

Penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Fatimah Yussoff selaku penyelia saya. Segala panduan dan bimbingan yang telah diberikan untuk menghasilkan tesis ini dengan jayanya amat saya hargai. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah Pusat Pengajian Psikologi, FSSK yang turut menyumbangkan idea bagi memperbaiki kelemahan yang ada.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) (dahulunya KUSTEM) kerana telah memberi peluang bagi saya melanjutkan pelajaran melalui program SLAB. Terima kasih juga kepada rakan pensyarah di UMT yang juga menyumbangkan idea untuk memantapkan lagi tesis ini. Kepada pihak Kementerian Pelajaran terima kasih juga diucapkan kerana membenarkan kajian dijalankan di sekolah-sekolah berkenaan yang telah menyempurnakan kajian ini.

Akhir sekali penghargaan dan sanjungan kepada suami, Mohd Nordin Zakaria dan anak-anak. Muhammad Nazmi, Muhammad Nazif dan Nur Izzah Nazihah yang telah berkorban demi menjayakan impian dan cita-cita ini. Kepada umi dan adik-adik yang sentiasa mendoakan kejayaan ini, terima kasih juga diucapkan. Untuk abah yang telah kembali menemui Ilahi ketika tesis ini sedang disiapkan, Al-Fatihah dikirimkan.

Semoga hasil kajian ini dapat dimanfaatkan dan mendapat keberkatan dari Allah s.w.t. Segala-galanya daripada Allah s.w.t, dan yang buruk adalah lantaran kelemahan saya juga.

ABSTRAK

Matlamat utama kajian adalah untuk mengkaji hubungan keluarga dari perspektif gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga serta juga mengenalpasti sejauhmana hubungan ciri ibubapa dan anak terhadap gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga. Secara lebih khusus, ciri ibubapa merujuk kepada faktor penghargaan kendiri dan empati manakala ciri anak merujuk kepada personaliti. Pola komunikasi keluarga pula dikategorikan kepada orientasi perbualan dan konformiti dan gaya keibubapaan dikategorikan kepada permisif, autoritarian dan autoritatif. Sebanyak 1,012 responden terlibat dalam kajian ini iaitu 435 pelajar (mewakili anak), 300 ibu dan 277 bapa. Pengumpulan data berdasarkan kepada soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden. Sebanyak lima alat kajian telah digunakan iaitu *Revised Family Communication Pattern* untuk mengukur pola komunikasi keluarga, *Parental Authority Questionnaire* untuk mengukur gaya keibubapaan, *Rosenberg Self-Esteem Scale* untuk mengukur penghargaan kendiri ibubapa, *Interpersonal Reactivity Index* untuk mengukur empati ibubapa dan *Eysenck Personality Questionnaire-Revised* untuk mengukur personaliti anak. Sampel ibubapa dikehendaki menjawab soal selidik berkaitan pola komunikasi keluarga, penghargaan kendiri dan empati. Sementara itu bagi sampel anak diberi alat ujian yang mengukur pola komunikasi keluarga, gaya keibubapaan dan personaliti. Hasil analisis korelasi yang digunakan, menunjukkan penghargaan kendiri ibubapa tidak mempunyai hubungan dengan ketiga-tiga gaya keibubapaan, tetapi mempunyai hubungan signifikan dengan komunikasi orientasi perbualan. Empati bapa didapati mempunyai hubungan signifikan dengan gaya keibubapaan autoritatif. Empati ibu dan empati bapa juga mempunyai hubungan signifikan dengan komunikasi orientasi perbualan. Personaliti anak jenis ekstrovert didapati mempunyai hubungan signifikan dengan gaya keibubapaan autoritatif dan juga kedua-dua orientasi komunikasi perbualan dan orientasi konformiti. Analisis regresi pula menunjukkan nilai pekali korelasi di antara gabungan pembolehubah ibu, bapa dan anak dengan gaya keibubapaan menyumbang kepada peratusan varians yang berbeza kepada pola komunikasi keluarga orientasi perbualan dan orientasi konformiti. Dapatkan ini memberi implikasi bahawa setiap individu memberi sumbangan yang penting terhadap hubungan keluarga.

CHARACTERISTICS OF PARENT AND CHILD AND THEIR RELATIONSHIP TO PARENTING STYLE AND THE FAMILY COMMUNICATION PATTERNS

ABSTRACT

The main objective of the research was to study family relationships from the perspective of parenting style and family communication patterns. The study was also conducted to identify the extent of the relationship between child and parent's characteristics towards parenting style and the family's communication patterns. Specifically, a parent's characteristics refer to self-esteem factor and empathy, whereas, a child's characteristics refers to personality. Family communication patterns include conversation orientation and conformity orientation, while parenting style is categorized as permissive, authoritarian as well as authoritative. About 1,012 respondents participated in this study comprising 435 students (to represent child), 300 mothers and 277 fathers. Data collection is based on questionnaires developed based on five research instruments namely, Revised Family Communication Pattern, to measure family communication pattern; Parental Authority Questionnaire, to measure parenting style, Rosenberg Self Esteem Scale; to measure parent's self-esteem, Interpersonal Reactivity Index, to measure parent's empathy; and Eysenck Personality Questionnaire – Revised, to measure child's personality. Parents were asked to complete scales measuring their family communication patterns, self-esteem, and empathy while the child is given an instrument that measures family communication patterns, parental style and personality. Based on a correlation analysis, the research findings indicate no relationship between a parent's self-esteem and the three parental styles. Instead, a significant relationship was found for conversation orientation communication. Results also showed that for the child, an extrovert personality has a significant relationship with parental authoritative style and both conversation orientation and conformity orientation communication. A regression analysis shows correlation coefficient value among the variables such that mother, father, child and parenting style contribute to different variant percentage towards family communication patterns, conversation orientation and conformity orientation. These findings imply that each and every individual has an important role towards family relationship.